WANITA MENURUT HAMKA DI DALAM TAFSIR AL-AZHAR: KAJIAN TERHADAP SURAH AN-NISA'

SITI ROHAYA BINTI SUDIRO

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PSZ 19: 16 (Pind. 1/97)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS◆

JUDUL : **WANITA MENURUT HAMKA DI DALAM TAFSIR AL-AZHAR: KAJIAN TERHADAP SURAH AN-NISA'**

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008

SAYA : **SITI ROHAYA BINTI SUDIRO**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

☐	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
☐	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
√	TIDAK TERHAD	

Disahkan oleh

.... (TANDATANGAN PENULIS)

.... (TANDATANGAN PENYELIA)

ALAMAT TETAP :
LOT 2231, JALAN HAJI IDRIS
KAMPUNG JENJAROM,
42600 JENJAROM, SELANGOR

ABDUL HAFIZ BIN HAJI ABDULLAH
Nama Penyelia

Tarikh: 23 APRIL 2008

Tarikh: 23 APRIL 2008

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

"Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)."

Tandatangan	:	....
Nama Penyelia	:	ABDUL HAFIZ BIN HAJI ABDULLAH
Tarikh	:	23 APRIL 2008

WANITA MENURUT HAMKA DI DALAM TAFSIR AL-AZHAR: KAJIAN TERHADAP SURAH AN-NISA’

SITI ROHAYA BINTI SUDIRO

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan
(Pengajian Islam)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

April, 2008

PENGAKUAN

"Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

Tandatangan : ....

Nama Penulis : SITI ROHAYA BINTI SUDIRO

Tarikh : 23 APRIL 2008

DEDIKASI

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Ayahanda dan bonda yang tercinta

Kaulah segalanya buat diri anakanda

Kasih sayang, segala dorongan, sokongan, pengorbanan dan doa kalian

Membuatkan anakanda teguh di sini

Kekanda dan Adinda yang tersayang

Kasih dan gelak tawa kalian penawar duka

Pemberi semangat menuju citaku

Guru-guru, Pensyarah dan Pendidik yang dihormati

Ilmu yang dicurah tidak terhingga

Umpama air di lautan

Tidak mengenal erti jemu

Hanya sekalung budi tersemat di jiwa

Sahabat-sahabat yang dikasihi

Mengenali kalian saat terindah bagiku

Mengenal erti persahabatan, erti kehidupan

Bersama mengharungi cabaran

Semoga ukhuwah terbina kekal selamanya

Terima Kasih Segalanya...

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ucapan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dan bagi keluarga dan sahabat Baginda. Alhamdulillah, berkat inayah-Nya dapatlah saya menyiapkan dengan jayanya penulisan Projek Sarjana Muda (PSM) ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Ustaz Abdul Hafiz bin Haji Abdullah selaku penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) ini di atas sumbangan idea, penyemakan, penyeliaan dan segala susah payah yang telah beliau sumbangkan sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Semoga segala kerjasama dan pengorbanan masa yang telah beliau curahkan akan mendapat balasan keberkatan daripada Allah SWT.

Ucapan penghargaan juga terima kasih buat kakitangan Fakulti Pendidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) serta Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor atas kerjasama dan segala bantuan yang diberikan sepanjang penyelidik menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih ini turut ditujukan kepada semua rakan-rakan yang banyak membantu dalam menyiapkan projek ini. Sesungguhnya kudrat yang diberikan hanya Allah SWT sahaja dapat membalasnya. Amin

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji pandangan Hamka terhadap wanita yang telah diadaptasikan dalam Tafsir Al-Azhar. Ia bertujuan untuk melihat dan menilai sejauhmana Hamka mencurahkan idea dan pengalamannya dalam membincangkan hal ehwal wanita ke dalam tafsir karangannya. Secara umumnya penyelidik selain mengetengahkan pandangannya terhadap wanita dari aspek sosial iaitu perkahwinan, talak dan harta pusaka yang terdapat dalam surah an-Nisa', penyelidik juga bertujuan memperkenalkan Hamka sebagai seorang pentafsir. Untuk kajian ini, penyelidik telah menggunakan kajian perpustakaan sepenuhnya. Di akhir kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk memartabatkan hak wanita.

ABSTRACT

This research investigates the Hamka's view towards women as adapted in Al-Azhar. This research conducted to find out and evaluate how far Hamka did discussed his views, ideas and experience in women affair in his work. Besides that, this research also discusses Hamka's view towards women in the aspect of marriage, *talak* and wealth as stated in Surah an-Nisa'. Meanwhile the reason this research is conducted is to introduce Hamka as an Islamic writer (*Mufasir*). This research fully conducted using the help of library research. In the final part of this research, there are few suggestions have been put forward to certain parties to increase Islamic women's rights.

KANDUNGAN

BAHAGIAN SATU
PENDAHULUAN

BAHAGIAN DUA

SOROTAN KAJIAN

BAHAGIAN TIGA

METODOLOGI KAJIAN

BAHAGIAN EMPAT

DATA DAN ANALISIS

BAHAGIAN LIMA

RUMUSAN DANCADANGAN

SENARAI SINGKATAN

a.s.	:	alaihissalam
Cet	:	Cetakan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Hamka	:	Haji Abdul Malik Karim Amrullah
Hlm	:	Halaman
Ibid	:	(Latin: Ibidem) pada tempat, kitab atau halaman yang sama
Op. cit	:	(Latin: opere citato) dalam rujukan yang telah diterangkan
SAW	:	Sallallahualaihiwasallam
SWT	:	Subhanahuwataala
t.t	:	Tanpa tarikh
Terj	:	Terjemahan
U.U.D	:	Undang-undang Dasar

SENARAI LAMPIRAN

BAB I[1]

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran atau nama lainnya al-Kitab, adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW dengan melalui perantaraan Malaikat Jibril untuk disampaikan kepada manusia. Al-Quran merupakan mukjizat terbesar yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Tertulis pada mushaf dan membacanya dikira ibadah. Al-Quran merupakan anugerah Allah SWT buat seluruh hambanya. Sebagaimana firman Allah SWT (Abdullah Basmeih, 2001: 334):

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلۡنَٰهُ مُبَارَكٞ فَٱتَّبِعُوهُ وَٱتَّقُواْ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ١٥٥

Terjemahannya:
“Dan ini sebuah Kitab (al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertaqwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.”

Surah al-An‘am (6): 155

Penurunan ayat terbahagi kepada dua cara iaitu umum dan khusus. Penurunan umum memerlukan kepada pentafsiran. Pentafsiran al-Quran adalah berbeza mengikut mufassir. Menurut Syeikh Muhammad Ali Ash Shabuni, pentafsiran al-Quran adalah penting bukan hanya untuk menemukan qira‘ahnya, meyakinkan bacaan, menjelaskan makna yang tersirat ataupun sekadar menyingkap rahsia khazanah al-Quran sahaja. Akan tetapi, pentafsiran ini juga untuk membebaskan manusia dari penyembahan selain dari Allah SWT Al-Quran adalah pedoman umat, petunjuk dan syariat Allah dalam setiap aspek kehidupan seperti muamalah, politik, ekonomi, akhlak mahupun ibadah. Selain itu, al-Quran juga berfungsi sebagai ubat hati.[2] Sebagaimana firman Allah SWT (Abdullah Basmeih, 2001: 701):

وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۙ وَلَا يَزِيدُ ٱلظَّـٰلِمِينَ إِلَّا
خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Terjemahannya :
“Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

Surah al-Israa’ (17): 82

Secara dasarnya kita lihat penterjemahan dan pentafsiran seakan-akan sama akan tetapi terdapat perbezaan yang nyata antara keduanya. Akan tetapi dapat kita fahami tujuan mentafsir dan menterjemah adalah untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada umat Islam tentang isi kandungan al-Quran.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sebelum kedatangan Islam, wanita sering menjadi mangsa pendiskriminasian undang-undang dan juga kehidupan yang didominasi oleh lelaki. Sejak beberapa abad yang lalu, wanita diletakkan pada kedudukan yang paling bawah dalam masyarakat. Ini mewujudkan jurang yang besar antara peranan lelaki dan wanita. Masyarakat sebelum Islam mengamalkan tradisi kaum atau bangsa yang membangkitkan sentimen gender yang berat sebelah kepada kaum wanita telah mengakibatkan mereka ditindas dan berperanan sebagai hamba.

Justeru itu, kedatangan Islam telah mengangkat darjat dan kedudukan wanita ke taraf paling tinggi. Pengiktirafan ini tidak dapat ditandingi dalam perkembangan-perkembangan tamadun.[3] Islam telah memberi kebebasan kepada wanita dari kezaliman dan kekejaman yang dilakukan kepada mereka.

Setelah Islam memberi kebebasan dan mengangkat darjat mereka dalam Islam, timbul pula pelbagai sangkaan tentang kedudukan sebenar kaum perempuan dalam Islam. Apakah perempuan juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sama seperti kaum lelaki?

Ramai tokoh-tokoh yang memberi pandangan tentang wanita dari pelbagai aspek berkaitan dengan wanita. Sebagaimana pendapat Hamka, yang merupakan seorang ulama Nusantara. Beliau berpendapat bahawa wanita mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Islam. Mereka juga mempunyai penghargaan dan pembahagian tugas yang sama seperti kaum lelaki. Wajib memuliakan, menghormati dan menyayangi mereka sebagaimana seorang anak wajib memuliakan ibunya, seorang suami mengasihi isterinya dan seorang bapa menyayangi anaknya. Ini kerana seorang wanita yang solehah itu lebih mulia dari bidadari.[4]

Perkara penting yang menjadi persoalan adalah berhubung dengan peranan wanita iaitu apakah berlaku penyelewengan peranan wanita? Menurut Che Zainon Yusof, terdapat ramai wanita kini yang telah menyeleweng dan menyimpang dari peranannya yang sebenar sebagai seorang hamba Allah dengan melanggar suruhan-suruhan al-Quran dan as-Sunnah, malah sebaliknya lebih gemar melakukan perbuatan yang dilarang dan diharamkan oleh Allah. Perbuatan mereka ini sekaligus telah melanggar hakikat kewanitaannya yang dijadikan begitu sempurna dan menarik. Antara larangan-larangan Allah yang telah dilanggar oleh mereka seperti pendedahan aurat, pergaulan bebas, berkhalwat, perzinaan dan lesbian.[5]

Selain penyelewengan terhadap Allah, berlaku juga penyelewengan terhadap rumahtangga seperti hubungan dengan suami dan hubungan dengan anak-anak. Che Zainon Yusof juga menyatakan, tugas utama yang dipertanggungjawabkan kepada setiap wanita apabila sudah bergelar isteri ialah menyerahkan segala ketaatannya terhadap suaminya melainkan perkara yang bertentangan dengan hukum Allah, yang mana ketika itu tidak wajib lagi mentaatinya.[6]

Kebenarannya, wanita memainkan peranan penting dalam masyarakat. Menurut Majdi As-Sayyid Ibrahim, wanita adalah pembentuk generasi yang akan datang. Dialah yang akan membangun para pemimpin besar dilingkungan rumahnya, lalu mengeluarkan para perwira Islam. Seorang wanita muslim tidak mungkin dapat mempersiapkan sebuah keluarga yang kuat kecuali dia benar-benar menjadi seorang Muslimah, terpandang kerana *din*-nya, berpegang kepada kitab Tuhannya dan sunnah Nabi-Nya.[7]

Lantaran itu, permasalahan kontemporari berkaitan wanita yang berlaku pada zaman ini menunjukkan wanita tidak memahami agama Islam dengan sebenarnya dan keistimewaan yang telah diberikan kepada mereka sehingga timbul banyak isu dan permasalahan berkaitan wanita. Mereka tidak peka terhadap keperluan mereka, sedangkan al-Quran banyak membahaskan tentang permasalahan wanita tentang kedudukan, peranan, hak, hukum dan banyak lagi keistimewaan wanita.

1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang dinyatakan berkaitan permasalahan wanita. Penyelidik melakukan kajian terhadap wanita menurut Hamka di dalam Tafsir Al-Azhar khusus mengkaji surah an-Nisa'. Hal ini bertujuan untuk melihat apakah pandangan dan perbincangan Hamka berkaitan wanita terutama dari tiga aspek utama iaitu perkahwinan, talak dan harta pusaka. Ini kerana Hamka merupakan seorang ulama yang memahami keadaan di Nusantara, dan pandangan Hamka boleh dijadikan rujukan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Penyelidik merasakan Tafsir Al-Azhar hasil karangan Hamka mempunyai banyak keistimewaan yang perlu diketahui oleh masyarakat. Maka kerana itulah penyelidik terpanggil untuk melakukan sedikit penyelidikan ke atas pemikiran Hamka di dalam Tafsir Al-Azhar dalam membicarakan mengenai wanita.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

a) Mengkaji pandangan Hamka terhadap wanita di dalam surah an-Nisa' berkaitan hal ehwal perkahwinan.

b) Mengenal pasti pandangan Hamka terhadap wanita di dalam surah an-Nisa' berkaitan talak.

c) Mengenal pasti pandangan Hamka terhadap wanita di dalam surah an-Nisa' berkaitan harta pusaka.

1.5 Persoalan Kajian

a) Apakah pandangan Hamka terhadap wanita di dalam surah an-Nisa’ berkaitan hal ehwal perkahwinan?

b) Apakah pandangan Hamka terhadap wanita di dalam surah an-Nisa’ berkaitan talak?

c) Apakah pandangan Hamka terhadap wanita di dalam surah an-Nisa’ berkaitan harta pusaka?

NOTA HUJUNG

[1] Format penulisan Projek Sarjana Muda ini mengikut format Universiti Malaya. Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi (2006). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[2] As-Sabuni Muhammad Ali (1977). *At-Tibyan fi ‘Ulum al-Quran*. (Terj. Oleh M. Junaid Al-Hashimi, 1996). Kuala Lumpur: Pustaka Hidayah, hlm. 92.

[3] Afif Ab. Fattah Tabbarah (1978). *Wanita dan Keluarga dalam Islam.* Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, hlm. 3.

[4] Hamka (1975). *Kedudukan Perempuan Dalam Islam.* Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu.

[5] Che Zainon Yusof (1995). *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam.* Selangor: Pustaka Ilmi, hlm. 67.

[6] *Ibid.*, hlm. 82.

[7] Majdi As-Sayyid Ibrahim, (1988). *Khamsuuna Wasiyyah Min Wasaaya Ar-Rasul Sallalluhu ‘alaihi wassalam Lin Nisa’*. (Terj. Oleh Hanifah Binti Uthman, 2001). Cet. Kelima. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, hlm. xi.